

**AITAB DALAM PEMBIAYAAN KENDERAAN
DARI PERSPEKTIF SYARIAH: SUATU KAJIAN
APLIKASI DI KUWAIT FINANCE HOUSE
(MALAYSIA) BERHAD**

AZMUDDIN BIN RAZALI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**AITAB DALAM PEMBIAYAAN KENDERAAN
DARI PERSPEKTIF SYARIAH: SUATU KAJIAN
APLIKASI DI KUWAIT FINANCE HOUSE
(MALAYSIA) BERHAD**

oleh

AZMUDDIN BIN RAZALI

**Tesis diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Januari 2024

PENGHARGAAN

Puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah kerana berkat rahmat, keberkatan dan izinNya dapat juga menyempurkan thesis ini setelah melalui pelbagai cabaran dan rintangan.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan ditujukan kepada penyelia tesis iaitu Dr. Mohammad Amir bin Wan Harun dan Professor Madya Dr. Jasni bin Sulong yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan disepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan. Disamping itu, mereka telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada pengkaji untuk menyiapkan kajian ini.

Seterusnya, sekalung penghargaan buat pegawai-pegawai di KFHMB kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual, memberikan pandangan dan maklumat iaitu En. Fakhrurrazi Mansur, Ustaz Mansor Ayob dan Ustaz. Azmi Wazir. Tidak dilupakan jutaan terima kasih kepada Ustaz Aminuddin Abu Bakar dan Ustaz Azmir Azri bin Ahmad yang mencetuskan idea serta semangat dalam melaksanakan kajian ini.

Penghargaan khusus dititipkan buat kedua ibu bapa saya iaitu Razali bin Sharif dan Norasamah binti Abbas atas segala pengorbanan yang dicurahkan serta isteri yang tercinta Nur I'ffah binti Muhammad Nasir yang sudi berkorban memberi sokongan dan dorongan sepanjang thesis ini disempurnakan.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan membantu secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dilaksanakan. Semoga thesis ini dijadikan manfaat untuk semua.

Azmuddin Razali

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH.....	vii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI TRANSLITERASI	x
SENARAI LAMPIRAN.....	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan kajian.....	4
1.3 Objektif kajian	9
1.4 Persoalan kajian	9
1.5 Batasan kajian	10
1.6 Huraian istilah	12
1.7 Kepentingan penyelidikan	13
1.8 Kajian-kajian lepas.....	14
1.8.1 Kajian berkaitan transaksi ijarah.....	14
1.8.2 Kajian berkenaan isu-isu syariah dalam produk AITAB	19
1.9 Metodologi kajian	24
1.9.1 Metodologi kajian kualitatif.....	24
1.9.2 Teknik pengumpulan data.....	26
1.9.2(a) Kaedah analisis dokumen	26
1.9.2(b) Kaedah temu bual secara mendalam separa berstruktur.....	27

1.9.3	Metode analisis data.....	30
1.10	Sistematika Pengkajian	32
BAB 2 KONSEP IJARAH DAN APLIKASINYA DALAM PEMBIAYAAN KENDERAAN DI PERBANKAN ISLAM MALAYSIA		34
2.1	Pengenalan	34
2.2	Definisi Ijarah	35
2.3	Hukum Ijarah	39
2.4	Jenis-jenis Pembahagian Ijarah.....	42
2.5	Aplikasi AITAB Dalam Produk Pembiayaan Kenderaan di Malaysia	49
2.6	Aplikasi Pembiayaan Kenderaan di KFHMB	55
2.7	Kesimpulan	61
BAB 3 ISU-ISU UTAMA DALAM PEMBIAYAAN KENDERAAN BERASASKAN AITAB.....		62
3.1	Pengenalan	62
3.2	Insuran motor konvensional.....	63
3.3	Moratorium di dalam pembiayaan	75
3.4	<i>Force majeure</i>	82
3.5	Kesimpulan	87
BAB 4 ANALISIS ISU-ISU DI DALAM AITAB BERDASARKAN APLIKASI DI KFHMB DARI PERSPEKTIF SYARIAH		88
4.1	Pengenalan	88
4.2	<i>Force majeure</i> di dalam AITAB.....	88
4.2.1	<i>Force majeure</i> dalam polisi dokumen Ijarah terbitan BNM.....	89
4.2.2	<i>Force majeure</i> dalam KFHMB	101
4.3	Insuran Konvensional Dalam AITAB	113
4.4	Moratorium dalam AITAB	122
4.4.1	Aplikasi moratorium dalam AITAB di KFHMB.....	123
4.4.2	Isu-isu syariah dalam aplikasi moratorium AITAB di KFHMB dan diskusi	135

4.4.2(a)	Moratorium dari pespektif syariah.....	135
4.4.2(b)	Metod dalam mendapatkan persetujuan pelanggan dari perspektif syariah	138
4.4.2(c)	Perubahan terma dan syarat kontrak asal dalam moratorium AITAB	144
4.5	Kesimpulan	151
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN		153
5.1	Pengenalan	153
5.2	Rumusan kajian.....	153
5.3	Saranan.....	156
5.4	Cadangan kajian lanjutan	157
BIBLIOGRAFI		159
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Lima jenis pendekatan penyelidikan untuk kajian kualitatif 24
Jadual 3.1	Jenis-jenis takaful motor yang terdapat di Malaysia serta skop perlindungan..... 67
Jadual 3.2	Senarai syarikat pengendali takaful am dan syarikat insuran konvensional..... 70
Jadual 3.3	Amalan penggunaan insuran motor konvensional dalam kalangan 6 institusi kewangan Islam di Malaysia berdasarkan maklumat yang dinyatakan dalam lembaran pendedahan produk..... 73

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Garis masa perkembangan kontrak Ijarah 44
Rajah 2.2	Modus operandi AITAB dalam produk pembiayaan kenderaan..... 50
Rajah 2.3	Senarai barangan dari Jadual Pertama Akta Sewa Beli 1967 51
Rajah 2.4	Formula kiraan caj terma dan contoh kiraan 52
Rajah 2.5	Formula kiraan rebat bagi caj terma dan contoh kiraan 53
Rajah 2.6	Modus operandi pembiayaan kenderaan di KFH 57
Rajah 2.7	Modus operandi pembiayaan kenderaan di KFHMB 60
Rajah 3.1	Perbandingan antara insuran motor dan takaful motor dari aspek jumlah premium atau caruman bagi separuh pertama tahun 2021 65
Rajah 3.2	Perbezaan keuntungan terakru antara institusi kewangan Islamik dan konvensional dalam pelaksanaan moratorium..... 80
Rajah 3.3	Rumusan isi penting daripada pelbagai penerbitan BNM berkenaan moratorium peringkat pertama 81
Rajah 3.4	Penjelasan berkenaan 3 klasifikasi force majeure yang melibatkan act of God, human events dan performance failure..... 84
Rajah 4.1	Perubahan yang berlaku dalam kontrak AITAB dari segi pemanjangan tempoh matang sebanyak 6 bulan rentetan pelaksanaan moratorium peringkat pertama..... 127
Rajah 4.2	Perubahan yang berlaku dalam kontrak AITAB dari segi perubahan jumlah ansuran atau sewaan berikutan pelaksanaan moratorium peringkat pertama..... 128
Rajah 4.3	Perubahan yang berlaku dalam kontrak AITAB dari segi pemanjangan tempoh matang sebanyak 3 bulan dan perubahan dari segi jumlah ansuran atau sewaan rentetan pelaksanaan moratorium peringkat kedua 129
Rajah 4.4	Perubahan yang berlaku dalam kontrak AITAB dari segi pemanjangan tempoh matang sebanyak 6 bulan dan perubahan dari segi jumlah ansuran atau sewaan disebabkan

	pelaksanaan moratorium 50% dari jumlah ansuran atau sewaan	130
Rajah 4.5	Penstrukturan kontrak AITAB yang baru memberikan kesan perubahan dari segi pengurangan jumlah sewa sepanjang tempoh pembiayaan AITAB baru, pemanjangan tempoh yang lebih lama dan kenaikan jumlah keseluruhan keuntungan yang dikira ke atas baki prinsipal dan jumlah tempoh yang baru	131
Rajah 4.6	Pembahagian jumlah keuntungan dan prinsipal dari segi peratusan sebelum kontrak AITAB distrukturkan semula	133
Rajah 4.7	Pembahagian jumlah keuntungan dan prinsipal dari segi peratusan selepas kontrak AITAB distrukturkan semula	134
Rajah 4.8	Mekanisma pengiraan keuntungan ke atas ansuran yang tertangguh untuk pelaksanaan moratorium peringkat kedua	146

SENARAI SINGKATAN

AAOIFI	<i>Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions</i>
AITAB	<i>al-Ijarah thumma al-Bay^c</i>
APKI	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam
BNM	Bank Negara Malaysia
BPR	Bantuan Prihatin Rakyat
BSH	Bantuan Sara Hidup
IHP-i	Industrial Hire Purchase-i
IIMM	<i>Islamic Interbank Money Market</i>
IKI	Institusi Kewangan Islam
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IMBT	<i>al-Ijārah Muntahiyah bi al-Tamlīk</i>
KFH	Kuwait Finance House
KFHMB	Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
MPO	<i>Murabahah Purchase Order</i>
MPS	Majlis Penasihat Syariah
PIAM	Persatuan Insurans Am Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SPI	Skim Perbankan Islam
MIFC	Malaysia International Islamic Financial Centre
SKM	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

SENARAI TRANSLITERASI

Abu Sattār Abu Ghuddah	أبو ستار أبو غدة
A ^ʿ yān	أعيان
Ajara	أجر
al-Dusukī	الدسوقي
al-Ijārah Muntahiyah bi al-Tamlīk	الإجارة منتهية بالتملك
al-Ijārah thumma al-Bay ^c	الإجارة ثم البيع
al-Kasānī	الكساني
al-Ma ^ʿ ayīr al-Shar ^ʿ iyyah	المعايير الشرعية
al-Murghināni	المرغيناني
al-Muṣilī	الموصلي
al-Ṣāwī	الصاوي
al-Sharbīnī	الشربيني
al-Shaykh Nazzīh Hammād	الشيخ نزيه حماد
al-Zarkashi	الزركشي
Bay ^c	بيع
ʿAbd al-Rahman al-ʿAsūmī	عبد الرحمن العسومي
ʿAyn	عين
ʿIwadh	عوض
ʿUsmān Shībīr	عثمان شبيب
Dayn	دين
Gharar	غرر
Ibnu Najjār	ابن نجار
Ibnu Qudamah	ابن قدامة

Ibnu Rushd	ابن رشد
Ijārah al-a ^c māl	إجارة الأعمال
Ijārah al-a ^c yān	إجارة الأعيان
Ijmā ^c	إجماع
Jahālah	جهالة
Mu ^c āwadhāt	معاوضات
Taqiyy ^c Usmānī	تقي عثمانى
Taqiyyuddīn al-Syafi ^c	تقي الدين الشافعي
Wa ^c d	وعد
Wakālah	وكالة

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Soalan Temu Bual Responden
Lampiran B	Senarai Dokumentasi AITAB
Lampiran C	Senarai Polisi dan Prosedur AITAB

**AITAB DALAM PEMBIAYAAN KENDERAAN DARI PERSPEKTIF
SYARIAH: SUATU KAJIAN APLIKASI DI KUWAIT FINANCE HOUSE
(MALAYSIA) BERHAD**

ABSTRAK

Pembiayaan kenderaan merupakan salah satu keperluan asas dalam kalangan masyarakat di Malaysia dalam menjalani kehidupan yang stabil dan sejahtera. Masyarakat Muslim diwajibkan mengambil pembiayaan yang berasaskan Islam kerana ia mematuhi prinsip-prinsip syariah manakala pembiayaan konvensional berasaskan konsep riba yang dilarang dalam Islam. Pembiayaan kereta berasaskan konsep AITAB di Malaysia telah diperkenalkan dan diadaptasi sejak peringkat awal pertumbuhan perbankan Islam di Malaysia. Meskipun konsep AITAB mendominasi pasaran produk pembiayaan kenderaan dalam kalangan pemain industri, terdapat banyak kritikan yang dilontarkan oleh para penyelidik terhadap konsep ini dari beberapa aspek, antaranya dari aspek syariah, aspek penguatkuasaan undang-undang dan juga aspek pengoperasian. Justeru, kajian ini menumpukan kepada isu-isu yang terdapat dalam pembiayaan kenderaan berasaskan AITAB seterusnya isu-isu yang dikenalpasti dikupas dan diperincikan dengan lebih mendalam khususnya dari perspektif syariah. Kajian ini mengadaptasi metodologi kajian kualitatif bersesuaian dengan objektif kajian yang berbentuk penerokaan. Teknik pengumpulan data untuk kajian ini adalah kombinasi analisis dokumen dan juga temu bual secara mendalam separa berstruktur. Sampel temu bual untuk mendapatkan data terdiri dari pemain-pemain industri yang berkhidmat di Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad. Data-data yang diperoleh dianalisis serta dinilai dengan menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian telah mengenal pasti tiga isu utama dalam

pembiayaan kenderaan berasaskan AITAB iaitu berkenaan *force majeure*, insuran motor konvensional dan juga moratorium. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menambahbaik produk AITAB bagi pembiayaan kenderaan bagi industri kewangan Islam secara umumnya. Oleh itu, hasil kajian ini mengetengahkan beberapa saranan serta cadangan praktikal dapat menjadi panduan kepada pemain-pemain industri dalam menyelesaikan isu-isu syariah berbangkit dalam produk AITAB dan sekaligus mengukuhkan modus operandi AITAB agar ianya kekal relevan untuk diadaptasi seiring dengan perkembangan semasa.

**AITAB IN VEHICLE FINANCING FROM THE SHARIAH PERSPECTIVE:
AN APPLICATION STUDY IN KUWAIT FINANCE HOUSE (MALAYSIA)
BERHAD**

ABSTRACT

Vehicle financing is considered as one the necessities of the society in Malaysia in leading a stable and comfortable life. Muslims are obliged to obtain Islamic financing as it adheres to the Islamic principles whereas conventional financing based on *riba* is prohibited in Islam. Vehicle financing based on the AITAB concept was introduced and adapted since the early stages of the Islamic banking development in Malaysia. Though AITAB is the main concept dominating the vehicle financing product amongst industry players; it does not escape criticisms by researchers particularly in several aspects such as the Shariah aspect, law enforcement aspect and operational aspect. Thus, this research focused on the issues that arised in the AITAB based vehicle financing by identifying and deliberating them in detail particularly from the Shariah perspective. This research adopted the qualitative research method suited to the explorative nature of the research objective. Data collection for this research included a combination of document analysis and in-depth semi-structured interviews. Data sample for the interviews were obtained industry players employed at Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad. The data collected via interview were analyzed using inductive, deductive and comparative methods. Findings of the research has identified three main issues in AITAB based vehicle financing which are *force majeure*, conventional motor insurance and moratorium. This research aimed to improve the AITAB based vehicle financing for the Islamic finance industry in general. Hence, the result of the study outlined several recommendations and practical

suggestions to act as a guide for the industry players in resolving the Shariah issues that are present in the AITAB based product. Also, to strengthen the existing AITAB modus operandi to ensure it remains relevant to be implemented even with the current development in the industry.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembiayaan kenderaan merupakan salah satu keperluan asas dalam kalangan masyarakat di Malaysia dalam menjalani kehidupan yang stabil dan sejahtera. Namun untuk memiliki kenderaan secara tunai agak sukar disebabkan faktor modal yang besar. Maka pembiayaan dari institusi perbankan adalah sangat diperlukan bagi membantu masyarakat memiliki kenderaan dalam menjamin kelestarian hidup seharian. Bagi mendapatkan pembiayaan kenderaan, masyarakat Muslim khususnya diwajibkan mengambil pembiayaan yang berasaskan Islam. Hal ini kerana pembiayaan berasaskan Islam berbeza daripada pembiayaan berasaskan konsep konvensional, pembiayaan berasaskan konsep Islam mematuhi prinsip-prinsip syariah, manakala pembiayaan konvensional berasaskan konsep riba yang dilarang dalam Islam¹. Kepentingan pembiayaan kereta di Malaysia juga diterjemah di dalam laporan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang menyatakan pembiayaan kenderaan berasaskan Islam menyumbang sebanyak 11.77% daripada keseluruhan jumlah pembiayaan berasaskan Islam dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM 73,949,000,000². Daripada keseluruhan jumlah pembiayaan kenderaan tersebut, pembiayaan berasaskan konsep AITAB mendominasi sebanyak 96.53% menjadikan

¹ Nurdianawati Irwani Abdullah and Seif I. Tag El-Din, "Issues of Implementing Islamic Hire Purchase in Dual Banking Systems: Malaysia's Experience," *Thunderbird International Business Review* 49, no. 2 (2007): 225–249, <https://doi.org/10.1002/tie.20141>.

² BNM, "Islamic Banking System: Financing by Concept," Monthly Highlights and Statistics in April 2020, 2020, https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication&pg=en_msb&ac=281&en&uc=2%5C.

AITAB sebagai instrumen yang terpenting dalam sektor pembiayaan kenderaan berasaskan Islam³

Pembiayaan kereta berasaskan konsep AITAB di Malaysia telah diperkenalkan dan diadaptasi sejak peringkat awal pertumbuhan perbankan Islam di Malaysia. Sekitar tahun 1983, Bank Islam telah mendahului dalam menawarkan produk AITAB bagi pembiayaan kenderaan kepada sektor korporat. Pada tahun 1994, konsep AITAB diadaptasi oleh beberapa institusi perbankan konvensional di bawah skim perbankan Islam (SPI) yang dipelopori oleh tiga bank utama di Malaysia iaitu Maybank, Bank Bumiputera Malaysia Berhad (kini dikenali sebagai CIMB Bank) dan Bank Rakyat⁴. Rentetan dari permintaan yang banyak, Bank Islam telah mewujudkan satu konsultan dalam membantu syarikat-syarikat pembiayaan dan institusi perbankan lain dalam mengadaptasi konsep AITAB dalam produk pembiayaan kenderaan⁵. Secara ringkasnya, konsep AITAB bersandarkan kepada dua kontrak asas dan utama iaitu kontrak sewa (*al-Ijarah*) dan kontrak jual-beli (*al-Bay'*). Pihak bank sebagai pemberi sewa (*lessor*) akan menyewakan kenderaan tersebut kepada pelanggan yang merupakan penyewa (*lessee*) sepanjang tempoh pembiayaan dan pelanggan berjanji untuk membeli kenderaan tersebut di hujung tempoh pembiayaan atau lebih awal pada harga yang telah ditetapkan oleh pihak bank⁶. Hal ini selari dengan resolusi yang telah dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dalam keputusan mesyuarat ke-36

³ BNM.

⁴ Nurdianawati Irwani Abdullah and Asyraf Wajdi Dusuki, "A Critical Appraisal of Al-Ijarah Thumma Al-Bay' (AITAB) Operation : Issues and Prospects," in *4th International Islamic Banking and Finance Conference*, 2015.

⁵ Irwani Abdullah and Dusuki.

⁶ Rami Hussein and Kamarudin Awang Mat, "Forms of Al-Ijarah Al-Muntahiyah Bi Al-Tamlik and Its Jurisprudential Adaptation," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 9, no. 3 (2019): 546–54, <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i3/5715>.

pada 8 Julai 1997 yang telah memutuskan bahawa konsep AITAB dalam pembiayaan kenderaan adalah dibenarkan berdasarkan dua kontrak asas yang disebutkan di atas⁷.

Di antara produk lain yang ditawarkan dalam pembiayaan kenderaan oleh institusi perbankan Islam ialah produk pembiayaan kenderaan berasaskan konsep *Murabahah Purchase Order* (MPO). Secara ringkasnya, *Murabahah Purchase Order* adalah suatu kontrak yang mana pihak bank menjual kenderaan kepada pihak pelanggan pada harga yang telah ditetapkan dan pembayaran harga jualan tersebut akan dilakukan oleh pihak pelanggan secara bertanggung mengikut tempoh pembiayaan yang ditetapkan⁸. Antara institusi perbankan yang menggunakan konsep ini adalah Bank Islam yang merupakan pelopor utama dalam memperkenalkan produk tersebut pada tahun 2004⁹.

Untuk penggunaan konsep AITAB bagi produk pembiayaan di Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (KFHMB), didapati konsep AITAB merupakan penyumbang kedua terbanyak dengan rekod sebanyak RM 2,290,390,000 iaitu 39% daripada jumlah keseluruhan aset pembiayaan bagi tahun kewangan berakhir 2018¹⁰. Maka, secara perbandingan konsep AITAB dilihat mendominasi berbanding konsep-konsep yang lain yang digunakan seperti Mudarabah, Qard, Musharakah, Istisna' dan juga Ujrah.

⁷ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi Kedua*, 2nd ed. (Bank Negara Malaysia, 2010), 3, https://www.bnm.gov.my/microsite/fs/sac/shariah_resolutions_2nd_edition.pdf.

⁸ Asyraf Wajdi Dusuki and Abdullah Nurdianawati Irwani, *Fundamentals of Islamic Banking* (IBFIM, 2011), 195.

⁹ Irwani Abdullah and Dusuki, "A Critical Appraisal of Al-Ijarah Thumma Al-Bay ' (AITAB) Operation : Issues and Prospects."

¹⁰ KFHMB, "Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad Annual Report 2018," *KFHMB*, 2018, [https://www.kfh.com.my/malaysia/reports/malaysia/annual-reports/KFH-Malaysia-Annual-Report-Year-2018/document_en/2018 KFHMB - Signed FS\(revised Final\).pdf](https://www.kfh.com.my/malaysia/reports/malaysia/annual-reports/KFH-Malaysia-Annual-Report-Year-2018/document_en/2018%20KFHMB%20-%20Signed%20FS(revised%20Final).pdf).

1.2 Permasalahan kajian

Meskipun konsep AITAB mendominasi pasaran produk pembiayaan kenderaan dalam kalangan pemain industri, terdapat banyak kritikan yang dilontarkan oleh para penyelidik terhadap konsep ini dari beberapa aspek, antaranya dari aspek syariah, aspek penguatkuasaan undang-undang dan juga aspek pengoperasian.

Dari aspek syariah, antara perkara yang dibangkitkan adalah isu pemilikan bermanfaat (*beneficial ownership*). Di dalam AITAB, untuk menyewakan kenderaan tersebut kepada pelanggan, pihak bank mestilah memiliki kenderaan tersebut sebelum menyewakannya kepada pelanggan. Ini menjadikan pihak bank adalah sebagai pemilik kenderaan tersebut sepanjang tempoh pembiayaan. Namun secara hakikatnya, pemilikan pihak bank terhadap kenderaan tersebut tidak dinyatakan di dalam surat pendaftaran harta (geran kereta), bahkan nama pelanggan yang merupakan penyewa yang diletakkan sebagai pemilik. Hal ini menjadikan bank hanyalah mempunyai pemilikan dari sudut manfaat dan hak untuk membuat tuntutan ketika pelanggan ingkar memenuhi tuntutan pembiayaan¹¹. Sungguhpun tidak dinafikan kebanyakan para penasihat syariah di institusi perbankan Islam mengiktiraf pemilikan secara manfaat; namun ia masih lagi menjadi pertikaian sebahagian para sarjana yang lain kerana amalan berkenaan didapati bercanggah dengan konsep pemilikan sempurna seperti yang ditetapkan oleh syariah¹². Selaras dengan itu, Majlis Penasihat Syariah BNM dalam keputusan mesyuarat ke-29, pada 25 September 2002 telah memutuskan bahawa pemilikan bermanfaat adalah sah dari sudut syariah dengan syarat ianya dapat dibuktikan menerusi dokumentasi perjanjian ijarah yang dimeterai antara bank

¹¹ Abdullah and El-Din, "Issues of Implementing Islamic Hire Purchase in Dual Banking Systems: Malaysia's Experience."

¹² Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Muhammad Yusuf Saleem, and Ahcene Lahsasna, "Beneficial Ownership: To What Extent It Complies with Shari'ah?," *Asian Social Science* 11, no. 27 (2015): 155–67, <https://doi.org/10.5539/ass.v11n27p155>.

(pemberi sewa) dan pelanggan (penyewa)¹³. Rentetan dari isu ini, turut diketengahkan isu kewajipan bank sebagai pemilik aset dalam menanggung kos penyelenggaraan kenderaan dalam sepanjang tempoh sewaan¹⁴. Secara prinsipnya, pemilik mestilah mengambil risiko dalam memiliki sebuah aset atau kenderaan seperti kos penyelenggaraan, kos baik pulih dan lain-lain¹⁵. Keabsahan produk AITAB dipertikai kerana pada hakikatnya, pihak bank sebagai pemilik kenderaan tidak menanggung apa-apa risiko berkaitan pemilikan kenderaan seperti kos penyelenggaraan dan segala tanggungjawab membaiki kerosakan; bahkan kesemua risiko-risiko tersebut dilepaskan kepada penyewa iaitu pelanggan sepanjang tempoh pembiayaan¹⁶.

Antara isu lain yang dibincangkan oleh para sarjana dalam produk AITAB ialah kerosakan penuh terhadap kenderaan disebabkan *force majeure*. *Force majeure* merupakan peristiwa di luar kawalan pihak pelanggan dan penyewa yang menyebabkan kontrak tidak dapat diteruskan oleh kedua-dua pihak, contohnya bencana alam yang menyebabkan kerosakan terhadap kenderaan sewa. Bank sebagai pemilik kenderaan mestilah menanggung risiko yang berkaitan dengan pemilikan kenderaan termasuk kos baik pulih kenderaan tersebut dalam situasi *force majeure* kerana kerosakan tersebut bukan berpunca daripada pihak pelanggan. Sekiranya pihak bank tidak dapat berbuat demikian, pelanggan sebagai penyewa mempunyai hak untuk tidak meneruskan kontrak sewaan atas faktor kerosakan tersebut¹⁷. Hal ini kerana kenderaan tersebut merupakan manfaat dalam kontrak Ijarah dan kerosakan penuh

¹³ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi Kedua*, 6.

¹⁴ Abdulazeem Abozaid, "The Internal Challenges Facing Islamic Finance Industry," *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 9, no. 2 (2016): 222–35, <https://doi.org/10.1108/IMEFM-05-2015-0056>.

¹⁵ Bank Negara Malaysia, "Ijarah Policy Document," 2018, <https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=137&ac=530&bb=file>.

¹⁶ Abdullah and El-Din, "Issues of Implementing Islamic Hire Purchase in Dual Banking Systems: Malaysia's Experience."

¹⁷ AAOIFI, *Shari'ah Standards*, 2015, <https://aaoifi.com/shariaa-standards/?lang=en>; Bank Negara Malaysia, "Ijarah Policy Document," 12.

terhadap aset tersebut menjadikan kontrak Ijarah tersebut tidak terikat (*mulzim*) kepada penyewa¹⁸.

Justeru, bank terdedah kepada risiko operasi (*operational risk*) yang tinggi sebagai pemilik kenderaan sepanjang tempoh sewaan. Antara langkah pengurangan risiko khususnya berkaitan dengan kerosakan aset adalah dengan pengambilan perlindungan takaful oleh pemilik kenderaan, iaitu pihak bank¹⁹. Namun, sudah menjadi amalan dalam industri perbankan Islam untuk pihak bank memindahkan tanggungjawab pengambilan perlindungan takaful sebagai langkah pengurangan risiko kepada pelanggan. Pemindahan tanggungjawab pengambilan takaful dilihat seakan-akan pihak bank berniat menghindari daripada penanggungan risiko tersebut. Secara umumnya, pengurusan risiko merupakan elemen penting untuk bank mengekalkan fungsinya sebagai sebuah institusi perantara (*financial intermediary*) yang mampu berdaya saing dan berjaya dalam industri perbankan konvensional mahupun Islamik²⁰. Meskipun begitu, dalam menguruskan risiko yang dihadapi oleh pihak bank, tindakan memindahkan tanggungjawab pengambilan takaful menimbulkan beberapa persoalan dari sudut pandang syariah, khususnya dalam situasi *force majeure* yang bukan disebabkan pelanggan. Antaranya keabsahan pemindahan tanggungjawab pengambilan takaful kepada pelanggan, status baki pembiayaan kenderaan (baki sewaan akan datang) jika pampasan perlindungan takaful tidak cukup untuk

¹⁸ Mohd Daud Awang and Mehmet Asutay, "Maqasid Al-Shariah Perspectives on the Implementation of Hire- Purchase Act 1967 in Malaysia with Reference to Al-Ijarah Thumma Al-Bai' Financing Contract," *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics Maqasid* 20, no. (spec 2) (2017): 36–56.

¹⁹ Mirza Vejzagic, "Ijarah Muntahia Bittamleek (IMB): A Risk Management Perspective," *Merit Research Journal of Accounting, Auditing, Economics and Finance* 2, no. 1 (2014): 1–7, <http://www.meritresearchjournals.org/aaef/index.htm>.

²⁰ Noraini Mohd Ariffin and Salina Kassim, "Risk Management Practices of Islamic Banks in Malaysia," *Aceh International Journal of Social Sciences* 3, no. 1 (2014): 26–36, <https://media.neliti.com/media/publications/195584-EN-risk-management-practices-of-selected-is.pdf>.

menampung jumlah keseluruhan pembiayaan dan perincian metod pemindahan risiko kepada penyewa.

Kenderaan sebagai aset pendasar dalam pembiayaan produk AITAB sering terdedah dengan risiko kemalangan, maka perlindungan dari syarikat insuran sangat diperlukan malah ianya menjadi kewajipan bagi setiap pengguna kenderaan di Malaysia. Meskipun begitu, beberapa penemuan yang didedahkan oleh kajian lepas telah menemukan bahawa institusi perbankan memberi kebebasan kepada penyewa (pelanggan) dalam menentukan produk perlindungan insuran sama ada dari syarikat insuran konvensional ataupun takaful²¹. Hal ini kerana bank memindahkan tanggungjawab pengambilan perlindungan insuran sepenuhnya kepada penyewa termasuk kos pembelian produk perlindungan insuran tersebut²². Penemuan ini menjadi suatu kebimbangan kerana pengambilan perlindungan insuran dari syarikat konvensional bercanggah dengan prinsip syariah selain perbankan Islam dilihat seolah-olah menyokong sistem insuran konvensional yang diharamkan oleh Islam²³. Oleh itu, perkara kedua dalam permasalahan kajian ini berkisar tentang praktis memberi kebebasan memilih perlindungan insuran kepada pelanggan, persoalan yang timbul adalah samada ia dengan selari dengan prinsip sebenar syariah ataupun sebaliknya. Perlu juga dikaji faktor yang menyumbang kepada situasi ini dan apakah solusi bagi institusi perbankan Islam dalam mendepani masalah ini?

Antara perkara lain yang dibincangkan dan dikaji dalam kajian ini adalah berkenaan moratorium dan isu-isu syariah dalam pemberian moratorium kepada

²¹ Shujaat Saleem and Fadillah Mansor, "Exploring Compliance of AAOIFI Shariah Standard on Ijarah Financing: Analysis on the Practices of Islamic Banks in Malaysia," *Journal of Risk and Financial Management* 13, no. 2 (2020): 29, <https://doi.org/10.3390/jrfm13020029>.

²² Nurul Azma, Mahfuzur Rahman, and Mohamed Albaity, "Issues and Prospects of Islamic Hire Purchase Financing: Malaysian Evidence," *Journal of Management Research* 6, no. 1 (2014): 12, <https://doi.org/10.5296/jmr.v6i1.4536>.

²³ AAOIFI, *Shari'ah Standards*.

pelanggan berikutan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia amnya tidak ketinggalan juga Malaysia. Pemberian moratorium bagi produk AITAB secara umumnya memberi impak dari sudut pemanjangan tempoh sewaan dan kenaikan sewa bulanan. Justeru, isu yang berbangkit adalah sudut pandang syariah tentang impak pemanjangan tempoh sewaan dan kenaikan sewa bulanan dalam produk AITAB samada ianya dibenarkan ataupun dilarang. Seterusnya, jika ia dibenarkan, bagaimana ianya dapat diaplikasikan sesuai dengan dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syariah. Isu seterusnya adalah tentang persetujuan perubahan dalam terma kontrak Ijarah, samada ia memerlukan persetujuan bersama antara bank dan pelanggan ataupun tidak. Jika persetujuan bersama diperlukan, bagaimanakah cara dan mekanisme pihak bank memperoleh persetujuan tersebut. Dan isu terakhir adalah tentang status penangguhan 6 bulan sewaan bagi pelanggan, samada penangguhan tersebut dikira sebagai Hibah ataupun Ibra dari perspektif syariah.

Selain membincangkan aplikasi moratorium dari perspektif terma kontrak Ijarah seperti disebutkan di atas, prinsip-prinsip syariah lain juga perlu dikaji serta diteliti seperti konsep Ihsan yang diketengahkan oleh MPS BNM dalam memutuskan larangan keuntungan berkompoun bagi penstrukturan dan penjadualan semula ketika moratorium²⁴. Aspek Ihsan sangat penting untuk dikaji dari perspektif syariah dan kesannya dalam operasi AITAB. Selain itu, apakah terdapat aspek lain dalam AITAB yang perlu mengambilkira konsep Ihsan sekaligus memastikan operasi AITAB bukan

²⁴ Bank Negara Malaysia, “Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Penstrukturan Dan Penjadualan Semula Pembiayaan Secara Islam Sewaktu Krisis COVID-19: Mesyuarat Khas MPS Ke-30 Bertarikh 14 Julai 2020 (Semakan Semula Pada 16 Oktober 2020),” 2020, [https://www.bnm.gov.my/documents/SAC/SAC Statement 30th SAC Special meeting \(revised\) BM 16102020.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/SAC/SAC%20Statement%2030th%20SAC%20Special%20meeting%20(revised)%20BM%2016102020.pdf).

hanya mematuhi prinsip-prinsip syariah berkenaan AITAB, bahkan selari dengan dasar syariah lain iaitu konsep Ihsan.

Tiga perkara utama yang menjadi permasalahan kajian ini iaitu *force majeure*, perlindungan insuran konvensional dan moratorium dalam pembiayaan kenderaan AITAB serta isu-isu syariah yang berbangkit dalam setiap perkara tersebut memerlukan kajian serta kupasan mendalam agar dapat memberikan nilai tambah terhadap amalan AITAB di Malaysia dan sekaligus memastikan segala usaha dalam menambahbaik operasi AITAB diteruskan dari masa ke semasa untuk kelestarian perbankan Islam dan kebaikan masyarakat sejagat yang melanggan produk AITAB.

1.3 Objektif kajian

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

1. Mengkaji struktur produk AITAB dari perspektif syariah serta aplikasinya dalam pembiayaan kenderaan di KFHMB.
2. Mengkaji isu-isu yang terdapat dalam pembiayaan kenderaan berasaskan AITAB.
3. Menganalisis isu-isu di dalam AITAB dari perspektif syariah.

1.4 Persoalan kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian berikut:

1. Bagaimanakah struktur dan aplikasi produk AITAB dari perspektif syariah di KFHMB?
2. Apakah isu-isu yang terdapat dalam pembiayaan kenderaan berasaskan AITAB?

3. Apakah sudut pandang syariah terhadap isu-isu di dalam AITAB?

1.5 Batasan kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji membataskan kajian ini kepada perkara-perkara berikut:

i. Jenis produk pembiayaan

Pengkaji akan menumpukan kajian konsep AITAB yang diaplikasi dalam pembiayaan kenderaan sahaja. Pembiayaan kenderaan tersebut termasuk pembiayaan bagi kenderaan yang baru mahupun terpakai bagi sektor peruncitan. Adapun, pengkaji tidak akan membahaskan produk pembiayaan kenderaan bagi sektor perindustrian disebabkan sektor ini melibatkan penambahan kontrak-kontrak syariah yang lain di samping produk pembiayaan kenderaan bagi sektor ini tidak tertakluk kepada Akta Sewa Beli 1967.

ii. Jenis kontrak syariah

Pengkaji akan mengkaji kontrak AITAB dalam pembiayaan kenderaan di Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad. Adapun kontrak-kontrak lain yang turut digunapakai dalam pembiayaan kenderaan seperti *Murabahah Purchase Orderer* (MPO) dan *Bay' al-^cInah* tidak termasuk dalam perbahasan kajian ini disebabkan penggunaan kontrak-kontrak tersebut kurang meluas jika dibandingkan dengan pembiayaan kenderaan berasaskan konsep AITAB.

iii. Batasan Institusi

Institusi yang dipilih dalam menjalankan kajian lapangan adalah Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad. Insitusi ini dipilih disebabkan latar belakang ahli

jawatankuasa syariah yang berbeza, antaranya berasal dari Malaysia, Kuwait dan Bahrain²⁵. Hal ini menjadikan institusi ini mempunyai pendekatan yang berbeza dari institusi perbankan tempatan kerana mempunyai komposisi ahli jawatankuasa yang berbeza dari sudut pandangan mazhab. Selain itu, institusi ini merupakan institusi perbankan Islam asing yang pertama dalam menjalankan operasi perniagaan di Malaysia²⁶. Faktor terakhir pemilihan Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad adalah rentetan dari kaji yang dijalankan oleh Shujaat Saleem dan Fadillah Mansor²⁷ yang memberi gambaran terdapat aspek ketidakpatuhan kepada piawaian AAOIFI dalam beberapa aspek AITAB. Namun kajian tersebut hanya menumpukan penelitian terhadap terma syarat dan lembaran produk AITAB yang terdapat di laman sesawang Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad. Maka, kajian ini dilakukan untuk menampung kelompongan tersebut dengan mengkaji secara terperinci melalui penelitian dokumen-dokumen perjanjian dan melakukan temu bual dengan pihak bank dalam mendapatkan gambaran secara menyeluruh berkenaan isu ini.

iv. Batasan permasalahan

Setelah meneliti kajian-kajian lepas, didapati para pengkaji lain menumpukan perbincangan pelbagai masalah dan isu syariah dalam produk AITAB khususnya tentang aspek pembiayaan. Oleh itu, kajian ini tampil memberi fokus kepada beberapa permasalahan, isu serta implikasi syariah dalam produk AITAB dalam ruang lingkup

²⁵ <https://www.kfh.com.my/malaysia/personal/about-us/board-of-directors.html>, diakses pada 7 Julai 2020

²⁶ <https://www.kfh.com.my/malaysia/personal/news/2006/KFHMB,-The-First-Foreign-Islamic-Bank-in-Malaysia-Marks-its-First-Anniversary.html#:~:text=2006%20%7C%20KFH%20Malaysia-,KFHMB%2C%20The%20First%20Foreign%20Islamic%20Bank%20in%20Malaysia%20Marks%20its,its%20first%20anniversary%20of%20operations.>, diakses pada 7 Julai 2020

²⁷ Saleem and Mansor, "Exploring Compliance of AAOIFI Shariah Standard on Ijarah Financing: Analysis on the Practices of Islamic Banks in Malaysia."

serta skop kajian yang berbeza iaitu dari aspek *force majeure*, perlindungan insuran konvensional serta aplikasi moratorium dalam AITAB.

1.6 Huraian istilah

AITAB merujuk kepada konsep *al-Ijārah thumma al-Bayʿ* yang melibatkan dua jenis kontrak iaitu kontrak sewaan (*al-Ijārah*) disusuli (*thumma*) dengan kontrak jual-beli (*al-Bayʿ*) sama ada dihujung kontrak sewaan atau ketika penyelesaian awal kontrak berdasarkan harga yang telah ditetapkan di awal kontrak²⁸.

Force majeure merujuk kepada “peristiwa yang tidak dapat dielakkan dan di luar kawalan munasabah pihak yang berkontrak, yang boleh menghalang pihak-pihak daripada memenuhi kewajiban mereka di bawah kontrak. Contoh situasi *force majeure* ialah kejadian di luar kawalan manusia (*act of God*), seperti gempa bumi, puting beliung, banjir, kilat, taufan dan bencana alam yang lain”²⁹.

Insuran Konvensional merujuk kepada “suatu kontrak yang dikenali sebagai “penanggung insurans berjanji untuk membayar kepada satu pihak yang lain yang dikenali sebagai pihak yang diinsuranskan akan sejumlah wang atau sesuatu yang mempunyai nilai wang apabila berlakunya sesuatu hal yang diinsuranskan (*peril insured*) sebagai balasan kepada pembayaran wang yang dikenali sebagai premium. Balasan dalam kontrak insurans ialah dalam bentuk pembayaran premium daripada pihak yang diinsuranskan dan pembayaran sejumlah wang oleh penanggung insurans kepada pihak yang diinsuranskan”³⁰.

²⁸ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi Kedua*, 3.

²⁹ BNM, “Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-181,” 2017, 8.

³⁰ Muhammad Yamin Ismail, “Perbandingan Kontrak Insurans Islam Dan Konvensional,” *Jurnal Penyelidikan Islam* 19 (2006): 55–70, http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/33905/Article_4.PDF.

Takaful merujuk kepada “*permuafakatan sekumpulan individu untuk saling menjamin dan membantu antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan tertentu yang dipersetujui dalam kalangan mereka seperti memberi pampasan bagi sesuatu musibah yang menimpa serta keperluan kewangan yang lain. Permuafakatan ini melibatkan sumbangan wang caruman berasaskan konsep tabarru` (pemberian secara sukarela) oleh kesemua peserta takaful. Sebuah dana khusus akan ditubuhkan sebagai sumber bantuan kewangan kepada mana-mana peserta berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui antara mereka. Selaras dengan konsep tolongmenolong (ta`awun) dan keperluan umat Islam untuk mempunyai satu skim yang berlandaskan syariah sebagai alternatif kepada insurans konvensional, industri takaful telah berkembang pesat menjadi industri berdaya maju yang telah disepadukan dalam arus perdana sistem kewangan negara*”³¹.

Moratorium merujuk kepada “*penangguhan rasmi bayaran ansuran bulanan daripada pembayar kepada pihak bank tanpa caj penalti atau denda. Ini bermakna pelanggan bank tidak perlu membayar ansuran bulanan untuk pinjaman mereka selama selama 6 bulan, bayaran ansuran akan bersambung setelah tempoh moratorium tamat*”³².

1.7 Kepentingan penyelidikan

Melalui kupasan mendalam terhadap isu-isu syariah seperti *force majeure*, insurans konvensional dan moratorium dalam pembiayaan kenderaan AITAB, kajian ini mampu memberi kesedaran kepada pemain-pemain industri untuk lebih peka tentang isu-isu syariah tersebut kerana jika ianya tidak diurus dengan baik,

³¹ Ismail.

³² ASNB, “Bank Tawar Moratorium Pembiayaan Bank Sempena Wabak Covid,” 2020, <https://www.asnb.com.my/img/moratorium/Moratorium BM.pdf>.

berkemungkinan ia akan menjuruskan transaksi AITAB kepada risiko tidak patuh syariah seterusnya membawa kepada sumber yang tidak halal kepada perbankan Islam.

Hasil rumusan dan analisis kajian lapangan yang telah dilaksanakan, kajian ini mengetengahkan beberapa saranan serta cadangan praktikal dalam penambahbaikan produk AITAB bagi pembiayaan kenderaan. Cadangan ini dapat menjadi panduan kepada pemain-pemain industri dalam menyelesaikan isu-isu syariah berbangkit dalam produk AITAB dan sekaligus mengukuhkan modus operandi AITAB agar ianya kekal relevan untuk diadaptasi seiring dengan perkembangan semasa.

Secara tuntas, segala cadangan dan penambahbaikan yang diketengahkan dalam produk AITAB boleh diadaptasi dalam produk-produk pembiayaan lain yang berteraskan konsep Ijarah seperti pembiayaan perumahan, pembiayaan tanah dan pembiayaan korporat.

1.8 Kajian-kajian lepas

1.8.1 Kajian berkaitan transaksi ijarah

Abu Sattār Abu Ghuddah³³ dalam sebuah buku yang bertajuk Ijarah telah membentangkan hasil kajiannya berkenaan dua jenis kontrak Ijarah iaitu Ijarah secara operasi dan Ijarah secara pembiayaan. Buku ini membahaskan asas-asas dalam Ijarah seperti definisi Ijarah, rukun Ijarah, syarat-syarat bagi manfaat dan syarat-syarat berkenaan kadar sewaan. Buku ini juga turut membincangkan hak dan tanggungjawab sebagai penyewa dan pemberi sewa yang mana tanggungjawab penyelenggaraan asset Ijarah merupakan tanggungjawab pemberi sewa ataupun dalam konteks kajian ini,

³³ Abdul Sattar Abu Ghuddah, *Ijarah (Lease)*, Dallah Al-Baraka Group Al-Baraka Banking Group (ABG) Department of Research & Development, 1998, <http://www.albaraka.com/media/pdf/Research-Studies/RSIJ-200706201-EN.pdf>.

tanggungjawab pemilik kenderaan dalam membaik pulih serta menyelenggara aset Ijarah. Adapun berkaitan penyelenggaraan harian yang kecil, tanggungjawab tersebut kepada pihak penyewa. Hal ini disokong oleh Taqiyy ‘Usmānī³⁴ yang mewajibkan pemilik kenderaan bertanggungjawab jika terdapat kemusnahan terhadap aset. Kajian ini mendapati isu tanggungjawab pemberi sewa terhadap aset ketika terdapat kemusnahan dan kerosakan mempunyai kaitan dengan isu *force majeure* tidak dibincangkan oleh Taqiyy ‘Usmānī secara terperinci dalam kajian beliau.

Antara lain yang dibahasakan oleh Abu Sattār Abu Ghuddah adalah berkaitan penetapan syarat kepada penyewa untuk mengambil perlindungan insuran dengan syarat perlindungan insuran tersebut mestilah berasaskan kepada kontrak *tabarrua’*³⁵ (sukerela) atau dengan kata lain mesti mengambil perlindungan takaful yang patuh syariah. Hal ini turut disokong oleh Taqiyy ‘Usmānī³⁶ yang meletakkan syarat bahawa produk insuran tersebut mestilah berasaskan kepada kontrak yang dibenarkan oleh Islam. Pengkaji mendapati isu ini mempunyai kaitan dengan isu insuran konvensional dalam pembiayaan AITAB dan boleh dijadikan asas tambahan dalam menilai semula penggunaan insuran konvensional dalam pembiayaan kenderaan di institusi-institusi perbankan Islam di Malaysia. Terdapat juga perbincangan berkaitan *Ijarah wa al-Iqtina’* (nama lain bagi AITAB) dari segi struktur, ciri-ciri umum serta syarat-syarat dalam pengaplikasiannya. Pengkaji mendapati perbincangan ini dijadikan asas kepada amalan AITAB yang diamalkan oleh perbankan Islam pada hari ini.

³⁴ Taqi Usmani, “Ijarah” (Islamic Finance Information Service, 2006), <http://iefpedia.com/arab/wp-content/uploads/2009/06/d8a7d984d8a5d8acd8a7d8b1d8a9-d985d988d984d8a7d986d8a7-d8b7d8a7d8b1d982-d8b9d8abd985d8a7d986d98a.pdf>.

³⁵ Kontrak *tabarrua’*³⁵ (sukerela) merupakan kontrak asas dalam produk perlindungan takaful. Kontrak ini dilaksanakan atas dasar *ihsan* (kebajikan) dan *ta’awun* (kerjasama) serta tidak memerlukan tukaran seperti kontrak *mu’awadat* (pertukaran). Lihat International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), *Islamic Financial System: Principles and Operations*, ed. Marjan Muhammad and Mezbah Uddin Ahmed, 2nd ed. (ISRA, 2016), 205.

³⁶ Usmani, “Ijarah.”

Taqiyy ʿUsmānī³⁷ dalam sebuah pengkajian membahaskan keseluruhan konsep Ijarah. Antara yang dibincangkan adalah syarat-syarat asas dalam kontrak Ijarah, modus operandi Ijarah dalam pembiayaan, kos-kos rentetan dari pemilikan kenderaan, tanggungjawab setiap pihak ketika aset Ijarah musnah, kadar sewa yang tidak tetap dalam pembiayaan Ijarah jangka panjang, perlindungan insuran bagi aset Ijarah dan pensekuritian Ijarah. Antara kupasan Taqiyy ʿUsmānī yang wajar diberi penekanan adalah berkenaan amalan kadar sewaan tidak tetap dalam pembiayaan Ijarah ataupun penerbitan sukuk.

Kajian ini membahaskan bahawa hukum asal berkenaan kadar sewaan dalam kontrak Ijarah mestilah tetap dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkontrak³⁸. Namun dalam konteks pembiayaan ataupun sukuk, menetapkan kadar sewaan bagi tempoh yang panjang tidak sesuai untuk pihak bank sebagai pemberi sewa disebabkan perubahan situasi pasaran yang tidak kekal³⁹.

Maka cadangan menggunakan penanda aras kadar faedah sebagai penentu kadar sewaan dalam Ijarah adalah harus dengan dua hujah utama. Hujah pertama, Taqiyy ʿUsmānī mengatakan penggunaan penanda aras kadar faedah tidak membatalkan kontrak Ijarah kerana ianya hanya berfungsi sebagai penentu kadar sewaan manakala keabsahan kontrak Ijarah bergantung kepada kewujudan aset Ijarah dan selagi mana aset Ijarah wujud, maka kadar sewaan yang dikutip juga halal serta memenuhi prinsip Ijarah. Begitu juga sebaliknya sekiranya berlaku kemusnahan aset Ijarah, pihak pemberi sewa tidak berhak mendapatkan kadar sewaan atas faktor ketidakwujudan aset Ijarah⁴⁰. Hujah kedua, isu ketidakpastian kadar sewa dengan menggunakan penanda aras kadar faedah tidak termasuk dalam larangan *Jahālah* yang

³⁷ Usmani.

³⁸ Ibnu Qudamah, *Al-Mughni Jilid 8*, n.d., 332.

³⁹ Usmani, "Ijarah."

⁴⁰ Usmani.

ditetapkan oleh syariah. Ini kerana syariah mengharamkan *Jahālah* sekiranya terdapat membawa kepada masalah pertikaian kepada pihak yang berkontrak. Perkara ini tidak wujud dalam kadar sewaan tidak tetap kerana penanda aras yang digunakan adalah suatu penanda aras yang maklum dan diketahui oleh pasaran ⁴¹.

Hujahan pertama yang diberikan oleh Taqiyy ⁴²Usmānī ini sangat berkait rapat dengan isu kemusnahan aset Ijarah disebabkan force majeure dari sudut perspektif syariah dan boleh dijadikan sebagai penanda aras dalam menganalisis amalan AITAB dari aspek force majeure.

Mohammad Hashim Kamali⁴² dalam penulisananya telah membahagikan kontrak Ijarah kepada dua jenis iaitu pertama Ijarah secara operasi dan Ijarah secara pembiayaan. Ijarah secara operasi merujuk kepada kontrak sewaan barangan seperti rumah dan kenderaan tanpa melibatkan perpindahan hak milik kepada penyewa diakhir kontrak Ijarah. Manakala Ijarah secara pembiayaan merujuk kepada kontrak sewaan yang diakhiri dengan perpindahan hak milik barang sewaan kepada penyewa melalui kontrak jual-beli ataupun *hibah*. Kontrak Ijarah jenis kedua merupakan kontrak diamalkan oleh institusi kewangan Islam sebagai alternatif kepada pinjaman riba konvensional⁴³. Mohammad Hashim Kamali juga membincangkan isu pemindahan risiko pemilikan kepada penyewa dalam kontrak Ijarah secara pembiayaan yang menjadikan penyewa sebagai penanggung risiko jika terdapat kerosakan pada barang atau aset sewaan. Penulisan tersebut disusuli dengan perbincangan isu-isu syariah berkaitan *khiyarāt*, *faskh* dan Sukuk Ijarah. Akhir sekali, Mohammad Hashim Kamali menyimpulkan bahawa penggunaan konsep Ijarah boleh

⁴¹ Usmani.

⁴² Mohammad Kamali, "A Shari'ah Analysis of Issues in Islamic Leasing," *Journal of King Abdulaziz University-Islamic Economics* 20, no. 1 (2007): 3–22, <https://doi.org/10.4197/islec.20-1.1>.

⁴³ Kamali.

digunakan sebagai alternatif kepada kontrak-kontrak lain yang kontroversial seperti *bay' al-'inah* dan *bay' al-Dayn* dan produk Ijarah dilihat mampu membangunkan ekonomi dalam meransang industri penghasilan⁴⁴. Pengkaji mendapati perbincangan berkenaan risiko pemilikan yang dibahaskan oleh Mohammad Hashim Kamali mempunyai kaitan dengan isu *force majeure* namun tidak dibincangkan dalam kajian beliau. Berkenaan moratorium dan perlindungan insuran, tiada perbahasan yang dibuat oleh beliau.

Mohd Sabri Abdul Ghafar dan Abdul Mumin Ab Ghani⁴⁵ membahaskan manfaat dalam kontrak ijarah dari perspektif fiqh empat mazhab. Kajian mereka membahagikan manfaat kepada tiga bahagian iaitu pertama manfaat dari sesuatu benda yang wujud (*manfa'ah al-'ayn*), kedua manfaat dari sesuatu benda yang dinyatakan sifatnya (*manfa'ah al-'ayn al-mawsuf fi al-zimmah*) dan manfaat dari sudut pekerjaan (*manfa'ah al-'amal*). Seterusnya, kajian tersebut mendapati ciri-ciri manfaat yang disepakati oleh kebanyakan fuqaha dari empat mazhab adalah manfaat yang diharuskan oleh syarak, manfaat tersebut bernilai, diketahui dan mampu diserahkan. Sungguhpun ciri manfaat tersebut disepakati, para fuqaha masih berselisih dalam pengaplikasiannya terutama manfaat yang melibatkan pekerjaan seperti berbekam, manfaat yang melakukan ibadat fardu (samada *ain* mahupun *kifayah*) dan manfaat pekerjaan seperti membaca dan mengajar al-Qur'an, mengajar agama. Kajian tersebut dilihat memfokuskan aspek manfaat dalam Ijarah secara umum manakala kajian ini menumpukan kepada isu-isu khusus dalam Ijarah pembiayaan kenderaan.

⁴⁴ Kamali.

⁴⁵ Ghafar Mohd Sabri Abdul and Abdul Mumin Ab Ghani, "Manfaat Al-Ijarah Menurut Perspektif Fiqh Empat Mazhab," *Jurnal Fiqh*, no. 3 (2006): 1–34.

1.8.2 Kajian berkenaan isu-isu syariah dalam produk AITAB

Selepas mengamati kajian-kajian lepas, didapati kajian-kajian sedia ada yang dilakukan terhadap produk AITAB banyak berkisar tentang cabaran-cabaran dalam mengaplikasi produk AITAB dalam perbankan Islam yang berpunca daripada ketiadaan kerangka undang-undang khas untuk produk AITAB⁴⁶. Hal ini menjadikan produk AITAB disandarkan kepada Akta Sewa Beli 1967 yang mana akta ini diasaskan berdasarkan konsep sewa beli konvensional yang mana bukanlah berasaskan kepada prinsip-prinsip syariah. Kesannya, banyak isu-isu syariah yang timbul dalam produk AITAB disebabkan Akta Sewa Beli 1967 tidak membezakan kontrak sewa dan beli seperti mana yang disyaratkan oleh syariah, terdapat klausa-klausa yang berkaitan dengan pinjaman riba, tiada klausa yang menjelaskan hak dan tanggungjawab setiap pihak seperti tanggungjawab kos penyelenggaraan dan insuran dan ketidakwujudan klausa-klausa berkenaan proses ijab kabul bagi kontrak sewa dan beli⁴⁷.

Rentetan daripada cabaran yang disebutkan di atas, banyak kajian yang dijalankan oleh para pengkaji lain dalam membahaskan isu-isu syariah dalam produk AITAB. Seif I. Tag El-Din dan Nurdianawati Irwani Abdullah⁴⁸ menjelaskan antara isu-isu syariah dalam AITAB adalah pemilikan secara manfaat oleh pihak bank, tanggungjawab dalam menyelenggara kenderaan yang diletakkan di pihak pelanggan sebagai penyewa, tanggungan kos insuran yang diletakkan di bahu pelanggan sebagai penyewa dan ketidakwujudan kerangka undang-undang yang khusus bagi AITAB. Pengkaji menyarankan agar wujudnya kerangka undang-undang yang jelas bagi

⁴⁶ Nurdianawati Irwani Abdullah, "Islamic Hire Purchase in Malaysian Financial Institutions: A Comparative Analytical Study" (Loughborough University, 2005), file:///C:/Users/user/Google Drive/Abg's master/research paper selected for reference/17098.pdf.

⁴⁷ Abdullah.

⁴⁸ Abdullah and El-Din, "Issues of Implementing Islamic Hire Purchase in Dual Banking Systems: Malaysia's Experience."

produk AITAB dalam menampung kekurangan yang terdapat pada Akta Sewa Beli 1967.

Saranan ini disokong oleh pengkaji-pengkaji yang lain seperti Hashim Ahmad Shiyuti dan Delil Khairat⁴⁹, Nurul Azma, Mahfuzur Rahman dan Mohamed Albaity⁵⁰, Aisyah Abdul Rahman and Rahazilah Binti Rahman⁵¹ dan Hakimah Muhammad Zina, Hussin Salamon dan Nurdianawati Irwani Abdullah⁵².

Meskipun isu-isu seperti pemilikan bermanfaat oleh pihak bank, tanggungjawab dalam penyelenggaraan kenderaan dan isu berkaitan kos tanggungan insuran telah dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji di atas, kajian ini mendapati perbincangan tersebut tidak meliputi isu berkaitan *force majeure* dari sudut perspektif syariah mahupun dari sudut aplikasi. Keperluan kajian terhadap isu *force majeure* sangat penting kerana ketiadaan kesedaran berkenaan isu ini boleh membawa kepada risiko tidak patuh syariah serta risiko kerugian oleh pihak bank jika isu ini tidak diurus tadbir secara cermat. Hal ini kerana Majlis Penasihat Syariah BNM telah memutuskan bahawa sekiranya aset ijarah telah musnah disebabkan *force majeure* yang mana kemusnahan tersebut tidak termasuk dalam perlindungan takaful, ianya menjadi tanggungjawab bagi pemilik kenderaan iaitu pihak bank dalam menanggung segala kos kemusnahan ketika *force majeure* melanda⁵³. Bank sebagai entiti perniagaan yang perlu menguruskan pelbagai risiko untuk mengekalkan fungsinya sebagai sebuah

⁴⁹ Hashim Ahmad Shiyuti et al., "Critical Evaluation on Al-Ijarah Thummalbai'," in *Asian Finance Association (AsFA) 2013 Conference*, 2013, 35, <https://doi.org/10.2139/ssrn.2184296>.

⁵⁰ Azma, Rahman, and Albaity, "Issues and Prospects of Islamic Hire Purchase Financing: Malaysian Evidence."

⁵¹ Aisyah Abdul Rahman and Rahazilah Binti Rahman, "Evaluation on Al-Ijarah Thumma Al-Bay' (AITAB) Facility: The Case of Affin Islamic Bank Berhad," in *Proceedings Of 5th Asia-Pacific Business Research Conference.*, 2014, 1–23.

⁵² Hakimah Muhammad Zin, Hussin Salamon, and Nurdianawati Irwani Abdullah, "Pemindahan Hak Milik Dalam Instrumen Al-Ijarah Thumma Al-Bay' (AITAB) Di Malaysia," *Sains Humanika* 8, no. 3–2 (2016): 39–46.

⁵³ BNM, "The 181st Meeting of the Shariah Advisory Council (SAC) of Bank Negara Malaysia," BNM, 2017, [https://www.bnm.gov.my/documents/SAC/SAC 181st Meeting Statement EN.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/SAC/SAC%20181st%20Meeting%20Statement%20EN.pdf).

institusi perantara (*financial intermediary*) yang mampan dilihat enggan menanggung kos kemusnahan ketika *force majeure*. Maka, pengkaji melihat terdapat jurang penyelidikan dalam isu *force majeure* dari sudut pengaplikasian dan pelaksanaannya dalam dokumen perjanjian serta tatacara operasi dalaman (*internal operation*) dalam kajian-kajian lepas. Justeru, kajian ini mengisi jurang penyelidikan tersebut kerana melihat kepentingan serta manfaatnya kepada sektor industri perbankan Islam di negara ini.

Pengkaji juga mendapati perbincangan dari sudut penggunaan insuran konvensional dalam produk AITAB tidak juga dibincangkan dari sudut syariah dan pengaplikasiannya. Hal ini kerana Majlis Penasihat Syariah BNM telah mengeluarkan satu resolusi yang membenarkan penggunaan insuran konvensional bagi aset ijarah dengan syarat:

- i. Ketidadaan produk takaful bagi sektor tersebut;
- ii. Ketidadaan syarikat takaful yang meluluskan dalam untuk melindungi aset tersebut; atau
- iii. Kos perlindungan insuran konvensional lebih kompetitif jika dibandingkan dengan produk takaful⁵⁴.

Meskipun terdapat pengharusan dalam melanggan produk insuran konvensional dalam AITAB, namun ia hanya dibenarkan dalam keadaan yang tertentu serta perlu menepati syarat-syarat yang diletakkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM. Justeru, perlu nya suatu kajian yang mendalam untuk mengenal pasti bagaimana resolusi kebenaran penggunaan insuran konvensional diaplikasi dan dipatuhi oleh

⁵⁴ BNM.

institusi-institusi perbankan Islam di Malaysia dari segi dokumentasi mahupun prosedur operasi dalaman.

Kajian yang dilakukan oleh Shujaat Saleem and Fadillah Mansor⁵⁵ mendedahkan bahawa penggunaan insuran konvensional dalam AITAB yang diaplikasi oleh Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad tidak mematuhi piawaian syariah yang telah ditetapkan oleh badan AAOIFI. Walaubagaimanapun, sumber kajian tersebut terhad kepada lembaran dokumen di laman sesawang Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad sahaja seperti lembaran pendedahan produk serta terma dan syarat produk. Maka, kajian secara terperinci perlu dilakukan dengan meneliti dokumen-dokumen perjanjian dan melakukan temu bual dengan pihak bank dalam mendapatkan gambaran secara menyeluruh berkenaan isu ini.

Antara isu lain yang perlu diteliti dan dibincangkan dengan lebih lanjut adalah berkenaan pemberian moratorium oleh institusi-institusi perbankan Islam kepada pelanggan rentetan daripada pandemik Covid-19. Antara pengkaji yang membincangkan perihal ini adalah Mohammad Mahbubi Ali dan Fariha Adilah Ismail⁵⁶, kajian mereka mengupas pembayaran moratorium dari perspektif syariah dan mengesahkan bahawa pemberian moratorium kepada pelanggan-pelanggan bertepatan dengan konsep syariah seperti mana yang disebutkan dalam surah Al-Baqarah ayat 280 yang bermaksud:

⁵⁵ Saleem and Mansor, "Exploring Compliance of AAOIFI Shariah Standard on Ijarah Financing: Analysis on the Practices of Islamic Banks in Malaysia."

⁵⁶ Mohammad Mahbubi Ali and Fariha Adilah Ismail, "Repayment Moratorium in Malaysian Islamic Banks," *Islamic Finance News*, May 2020, https://www.researchgate.net/publication/342978088_Repayment_Moratorium_in_Islamic_Banks_in_Malaysia.

“Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya....”

Kajian mereka juga menyarankan agar polisi berkenaan moratorium mengambil kira kondisi pelanggan yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Hal ini selari dengan objektif syariah dalam memelihara nyawa dan harta pelanggan. Antara lain, kajian mereka turut menyarankan agar pelanggan yang tidak terjejas dari pandemik ini tidak perlu diberikan kemudahan moratorium dengan bertujuan memastikan kelestarian institusi-institusi perbankan Islam dari segi perniagaan dan kecairan terpelihara⁵⁷. Walaubagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh moratorium dalam AITAB secara khusus dari segi syariah mahupun dari segi pengaplikasian. Maka, kajian ini mengisi jurang penyelidikan tersebut dengan membincangkan moratorium dalam AITAB dari perspektif syariah secara terperinci dan aplikasinya.

Antara cabaran-cabaran lain yang dikupas oleh kajian-kajian lepas adalah berkaitan persepsi negatif masyarakat awam yang menyamakan pembiayaan AITAB dengan pinjaman konvensional⁵⁸, kekurangan pengalaman dalam kalangan pegawai institusi-institusi perbankan Islam dalam mengendalikan produk AITAB⁵⁹, kekurangan kesedaran dan kerjasama dari pihak penjual kereta⁶⁰, pemilikan aset oleh pihak bank yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan tahunan sekaligus memberi gambaran bahawa pihak bank tidak mempunyai pemilikan penuh terhadap aset serta isu-isu yang lain⁶¹. Walaubagaimanapun, isu-isu ini bukanlah isu-isu syariah,

⁵⁷ Ali and Ismail.

⁵⁸ Abdullah, “Islamic Hire Purchase in Malaysian Financial Institutions: A Comparative Analytical Study”; Mohd Usoff Zakaria and Ab Mumin Ab Ghani, “Pembiayaan Kenderaan Berkonsepkan Al-Ijarah Thumma Al-Bai’ (AITAB) Di Bank Muamalat Malaysia Berhad Dan Isu-Isu Berkaitan,” *Jurnal Shariah* 23, no. 3 (2015): 435–76.

⁵⁹ Abdullah, “Islamic Hire Purchase in Malaysian Financial Institutions: A Comparative Analytical Study.”

⁶⁰ Abdullah.

⁶¹ Shiyuti et al., “Critical Evaluation on Al-Ijarah Thummalbai’.”

maka ia tidak termasuk dalam skop yang akan dikaji oleh pengkaji untuk mengelakkan pengulangan dalam kajian thesis.

1.9 Metodologi kajian

Dalam menjalankan sesebuah kajian ilmiah, metodologi kajian atau reka bentuk kajian merupakan komponen yang penting untuk memastikan kelancaran keseluruhan proses kajian ilmiah. Bryman⁶² berpandangan, metodologi kajian atau reka bentuk kajian merujuk kepada kerangka yang digunakan oleh sesebuah kajian bagi proses mengumpul dan menganalisis data. Pemilihan metodologi kajian hendaklah bersesuaian dengan objektif kajian yang hendak dicapai.

1.9.1 Metodologi kajian kualitatif

Kajian ini mengadaptasi metodologi kajian kualitatif bersesuaian dengan objektif kajian yang berbentuk penerokaan. Creswell dan Poth⁶³ menjelaskan bahawa kajian kualitatif sesuai digunakan untuk meneroka sesuatu masalah ataupun isu yang memerlukan pemahaman yang terperinci dan kompleks.

Creswell dan Poth⁶⁴ menyenaraikan lima jenis pendekatan penyelidikan yang biasa digunakan untuk kajian kualitatif iaitu kajian naratif, fenomenologi, *grounded* teori, etnografi, dan juga kajian kes. Jadual di bawah menerangkan secara ringkas kelima-lima bentuk pendekatan penyelidikan untuk kajian kualitatif.

Jadual 1.1 Lima jenis pendekatan penyelidikan untuk kajian kualitatif

Pendekatan penyelidikan	Fokus kajian	Permasalahan kajian
-------------------------	--------------	---------------------

⁶² Alan Bryman, *Social Research Methods*, 4th ed. (New York: Oxford University Press, 2012), 46.

⁶³ John W. Creswell and Cheryl N. Poth, *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*, 4th ed. (London: SAGE Publications Inc, 2018).

⁶⁴ Creswell and Poth.